

05/10/1998

MB sokong hasrat PM lantik TPM

SEREMBAN, Ahad - Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, memberi sokongan penuh kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pelantikan Timbalan Perdana Menteri.

Beliau berkata, hasrat Perdana Menteri untuk mendapatkan pandangan pemimpin Umno berhubung perkara itu bukan luar biasa kerana amalan itu sudah lama diamalkan.

"Walaupun Dr Mahathir mempunyai kuasa melantik timbalannya, tetapi beliau masih mahu mendapatkan pandangan pemimpin dalam Majlis Tertinggi (MT) Umno.

"Umno negeri memberi sokongan sepenuh terhadap keputusan Perdana Menteri," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung Koperasi Kemas Negeri Sembilan di sini, hari ini.

Mengulas usaha bekas Ketua Pergerakan Pemuda, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, untuk membantu parti menerangkan isu sebenar gerakan reformasi bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, katanya usaha itu perlu dilihat secara positif.

Menurutnya, usaha itu boleh membantu meredakan kegawatan politik dan menyatukan perpaduan parti.

(END)